

Kafeteria UPM perlu dipantau

SEBAGAI pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) Semester 3, saya tertarik dengan penjelasan yang diberikan Ketua Komunikasi Korporat UPM, Abdullah Arshad, di dalam ruangan ini pada 19 Julai berkaitan harga makanan di kafeteria UPM.

Penjelasan yang diberikan beliau adalah berikutan aduan Bapa Prihatin, Selangor, keluaran 16 Julai yang bertajuk 'Nasi lauk ikan RM5 di Kafe UPM'. Sehubungan itu, pihak UPM menjalankan siasatan terhadap kafeteria dan syarikat induk yang memegang tender kafeteria di UPM. Hasilnya UPM mendapati harga nasi berserta sayur dan ikan kurang RM3.50.

Pada pendapat saya, siasatan yang dilakukan pihak UPM itu tidak menyeluruh kerana saya mendapati harga nasi serta sayur dan ayam boleh mencecah hingga RM5.50 di kafeteria Kolej 12,14,15 dan 16. Ini berbeza dengan hasil siasatan yang diperoleh pihak UPM.

Ada juga peniaga mengira harga seketul ayam mengikut saiznya. Jika saiz besar maka lebih tinggi harganya. Jika begitu, maka tiadalah harga tetap bagi sesuatu jenis makanan.

Kenaikan harga maka-

nan amat ketara dan ini sudah pasti sangat membebankan pelajar. Sedangkan sebelum harga makanan naik iaitu pada semester lalu, kami sudah rasa terbeban kini ditambah pula kenaikan lain.

Dalam surat yang dihantar Ketua Komunikasi Korporat UPM itu juga ada menyatakan pihak universiti bersetuju menurunkan kadar bayaran royalti keuntungan kepada pihak universiti yang dikenakan kepada syarikat yang memegang tender kafeteria. Keputusan ini bagi menjaga kebajikan pelajar. Dengan adanya keputusan ini, sudah tentu dapat mengurangkan kadar sewa premis perniagaan. Namun mengapa masih perlu menaikkan harga makanan yang sebelum ini sudah tinggi.

Bagi saya tiada apa-apa masalah lain di UPM ini selain masalah harga makanan. Saya harap pihak bertanggungjawab di UPM dapat menjalankan siasatan menyeluruh terhadap harga makanan di seluruh kafeteria UPM. Siasatan harus juga dengan menemubual pelajar di kafeteria berkenaan.

B.COMM 08,

UPM Serdang, Selangor.